

pendapat

Oleh Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo

Ahli, Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPat)



Memperkasa bahasa Melayu ilmu tinggi

➔ Berani budayakan ilmu dalam bahasa Kebangsaan

Slepas lebih 60 tahun merdeka dengan Perlembagaan Malaysia menegaskan bahasa Melayu ialah bahasa Kebangsaan (Perkara 152) dan perlu diguna pakai untuk semua acara rasmi negara, kita masih perlu menganjurkan Bulan Bahasa Kebangsaan.

Sepanjang sebulan dalam Oktober, semua institusi kerajaan digalakkan menggunakan bahasa Kebangsaan dalam semua komunikasi dalamannya.

Penulis tidak berhasrat untuk mengulas mengapa negara masih berhadapan dengan situasi mempromosi penggunaan bahasa Kebangsaan di tanah air sendiri, sebaliknya ingin berkongsi pandangan mengenai peri pentingnya institusi universiti awam (UA) negara menerajui pembangunan 'Bahasa Melayu Ilmu Tinggi'.

Apakah Bahasa Melayu Ilmu Tinggi? Penulis memaknakan Bahasa Melayu Ilmu Tinggi (BMIT) sebagai bahasa minda yang digunakan oleh sarjana di institusi pengajian tinggi (IPT) untuk meneroka ilmu baharu dan mengembangkan ilmu untuk rakan keserakanan dan keserakanan. BMIT melampau usaha menterjemah istilah, tetapi memaknakan dapatan penyelidikan dengan kenyataan jelas dan istilah baharu.

Hasilnya terjelma dalam kertas jurnal dan prosiding (berwasit); monograf dan laporan penyelidikan; buku teks pengajian tinggi; tesis Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD). Setiap hari hasil penyelidikan terhasil melalui istilah watan dengan makna tersendiri.

Membangun bahasa minda BMIT berbeza dengan Bahasa Melayu Ilmu iaitu bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi atau menyampaikan ilmu kepada pelajar dan masyarakat awam. Pembangunan bahasa ilmu hanya membabitkan pembinaan dan penyeragaman istilah bagi membolehkan maksud disampaikan de-

ngan mudah dan tidak mengelirukan.

Aktiviti penyelidikan fundamental bukan sekadar membangun ilmu, tetapi bersamanya membangun bahasa minda, iaitu bahasa yang mengembangkan sesebuah tamadun. Oleh itu, ahli akademik perlu berani memperkenalkan istilah baharu yang berkait dengan ilmu dan budaya bangsanya. Inilah tanggungjawab moral setiap ahli akademik di universiti awam tempatan.

Seperti negara China, Jepun, Korea dan sebahagian daripada negara di Eropah, ahli akademiknya menjalankan penyelidikan dan menulis hasil penyelidikan secara terperinci dalam bahasa masing-masing. Penyelidikan pelajar Sarjana dan PhD juga digalakkan ditulis dalam bahasa ibunda. Mereka berkomunikasi sesama pakar melalui persidangan dan penerbitan juga dalam bahasa ibunda mereka.

Dalam keadaan begini, ilmu baharu tersimpan dalam bahasa ibundanya dan tidak mudah dicapai oleh bangsa lain. Begitupun, apabila berkomunikasi dan berkongsi cebisan ilmu dalam gelanggang antarabangsa baharulah mereka mengu-



Bahasa Melayu Ilmu Tinggi (BMIT) sebagai bahasa minda yang digunakan oleh para sarjana di institusi pengajian tinggi (IPT) untuk meneroka ilmu baharu dan mengembangkan ilmu untuk rakan keserakanan dan keserakanan"

nakan bahasa global, khususnya bahasa Inggeris.

Sarjana dan ilmuwan sudah diamanahkan oleh nenek moyang kita untuk membangun bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, bahasa perpaduan dan bahasa kebangsaan. Kelahiran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) adalah bagi menyalurkan hasrat murni ini. Sejak ditubuhkan pada 1970, usaha yang gigih dilaksanakan oleh pemimpin dan sarjana terdahulu sehingga kita boleh berbangga dengan pencapaian yang mengagumkan.

Bahasa Melayu bukansahaja diangkat menjadi bahasa ilmu, tetapi ribuan kertas jurnal berwasit, tesis penyelidikan Sarjana dan PhD berjaya ditulis dalam bahasa ibunda. Malang sekali, sejak globalisasi melanda dunia, UKM dan hampir semua universiti tempatan turut terkesan dan usaha memartabatkan bahasa Melayu kelihatannya dipinggirkan.

Memperkasa BMIT

Memperkasa BMIT tidak berarti kita melangkah ke belakang, tetapi sebaliknya kita bergerak dua langkah ke hadapan. Pertama, ilmuwan kita perlu mengenali dan berada di ufuk ilmu melalui

penguasaan pelbagai bahasa ilmu dunia bagi membolehkan mereka dihormati pada peringkat global.

Berikutnya mereka perlu berani membudayakan ilmu dalam bahasa Melayu sambil memperluaskan penggunaan untuk kemajuan masyarakat tempatan. Rakyat Malaysia, terutamanya yang berada di luar bandar hanya boleh berbahasa Melayu, dan tentunya kita tidak bercadang meminggirkan mereka daripada arus pembangunan.

Bersempena bulan bahasa Kebangsaan, marilah kita membarui tekad dan menunjukkan kecintaan kepada negara dengan menjunjung tanggungjawab seorang sarjana tulen. Gunalah bahasa Melayu apabila kita berkomunikasi dengan sarjana warga Malaysia, dan menulishlah dalam bahasa Inggeris untuk penerbitan jurnal berpik tinggi bagi berkongsi ilmu dengan kesepakan global.

* Penulis juga Felo Utama, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).